# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 2 DISEMBER 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | PERDANA MENTERI TURUN PADANG TINJAU HARGA BARANG KEPERLUAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | MEMANG HARGA BARANG KEPERLUAN NAIK-PM, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | |
| 3. | AYAM IMPORT, IKAN SEJUK BEKU DILAMBAKKAN DALAM PASARAN, BH -ONLINE | |
| 4. | KENAIKAN HARGA BARANGAN BASAH TERKAWAL, SH -ONLINE | |
| 5. | KPDNHEP JANGAN KOMPROMI, HM -ONLINE | |
| 6. | PM: LOOKING INTO STOPPING FISH EXPORTS TEMPORARILY DURING RAINY SEASON TO STABILISE PRICES, NATION, CHINA PRESS -A3 | |
| 7. | PUBLIC STRUGGLE DUE TO PRICE HIKE, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -1 & 12 | |
| 8. | PM: HIKE IN PRICE NOT JUSTIFIED, CHINS PRESS -ONLINE | |
| 9. | TERSERAH KEPADA RONALD KIANDEE, DALAM NEGERI, UM -2 | |
| 10. | PERANGI ORANG TENGAH, DALAM NEGERI, UM -2 | |
| 11. | KPDNHEP KERAH 3,200 PENGUAT KUASA PANTAU HARGA BARANG, MUKA DEPAN, BH -1 | |
| 12. | HARGA AYAM BAWAH RM10 SEKILOGRAM, NASIONAL, BH -2 | |
| 13. | KEMENTERIAN DIMINTA PANTAU INSENTIF BANTU PETANI, NASIONAL, BH -2 | |
| 14. | PM AKUI HARGA BARANG KEPERLUAN NAIK, NEGARA, KOSMO -6 | |
| 15. | PROGRAM JKM STRATEGI SERAMPANG DUA MATA, NASIONAL, BH -14 | |
| 16. | PRICE HIKE NOT CAUSED BY TRADERS, NATION, THE STAR -8 | |
| 17. | LAMBAKKAN BEKALAN IKAN, AYAM MAMPU STABIL HARGA, NASIONAL, BH -3 | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |
| 18. | FOMCA, NEKMAT WELCOME PM's CALL FOR RELEASE OF FOOD STOCK, NATION/NEWS, NST -9 | |
| 19. | KEKANGAN PEKERJA PUNCA HARGA SAYUR NAIK MENDADAK, NASIONAL, BH -3 | LAIN-LAIN |
| 20. | DEPRECIATING RINGGIT, ROLE OF MIDDLEMEN LIKELY REASON FOR PRICE HIKERS, ACCELERATED INFLATION, SAY ECONOMISTS, MALAY MAIL -ONLINE | |
| 21. | CIPTA DRON TEMPATAN BANTU PETANI B40, HARAKAH DAILY -ONLINE | |
| 22. | PISANG BATIK DAPAT SAMBUTAN, DALAM NEGERI, UM -32 | |
| 23. | PASARKAN 100KG DAGING ARNAB SEBULAN, BISNES SINAR, SH -31 | |
| 24. | AYAM ISU BERTERUSAN, NEGARA, KOSMO -10 | |
| 25. | TEKNOLOGI TANI JADI PENYELAMAT, FORUM, UM -18 | |
| 26. | TIADA LAGI LAMBAKAN SUSUNAN SAYUR, LOKAL, HM -10 | |
| 27. | HARGA SAYUR NAIK HANYA SEMENTARA, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 28. | BRACE FOR HIGH PRICES TO CONTINUE, CONSUMERS TOLD, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5 | |
| 29. | VEGETABLE PRICES RISING, LETTERS, NST -16 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# Perdana Menteri Turun Padang Tinjau Harga Barang Keperluan




Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melihat harga ayam yang meningkat naik semasa membuat lawatan di Myfarm Outlet Kasih Putrajaya, Presint 9, Putrajaya. Foto MOHD ADZLAN, 01 DECEMBER 2021




Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melihat harga sayur yang meningkat naik semasa membuat lawatan di Myfarm Outlet Kasih Putrajaya, Presint 9, Putrajaya. Foto MOHD ADZLAN, 01 DECEMBER 2021




Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (dua kanan) melihat harga barang basah yang meningkat naik semasa membuat lawatan di Myfarm Outlet Kasih Putrajaya, Presint 9, Putrajaya. Foto MOHD ADZLAN, 01 DECEMBER 2021




Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (dua kanan) melihat harga telur yang meningkat naik semasa membuat lawatan di Myfarm Outlet Kasih Putrajaya, Presint 9, Putrajaya. Foto MOHD ADZLAN, 01 DECEMBER 2021

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# Memang harga barang keperluan naik – PM




Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (dua kanan) bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (kanan) melihat harga ayam yang meningkat naik semasa membuat lawatan di Myfarm Outlet Kasih Putrajaya, Presint 9, Putrajaya. Foto MOHD ADZLAN, 01 DECEMBER 2021

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengakui harga barang keperluan terutamanya ayam dan ikan meningkat.

Sehubungan itu, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk mengimport ayam sejuk beku dari luar negara untuk menambah kuantiti ayam dalam pasaran.

"Saya telah berbincang dengan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee untuk memberikan kelebihan kepada pengguna membeli ayam dengan mengimport ayam beku daripada luar.

"Kita banjirkan pasaran dengan ayam dari luar yang mana harga lebih murah berbanding harga ayam tempatan," katanya selepas membuat lawatan dan meninjau harga barang di Myfarm Outlet Kasih Putrajaya, Presint 9, Putrajaya.

Menurut beliau, harga ayam misalnya didapati meningkat sehingga RM9.50 sekilogram hingga menimbulkan kemarahan rakyat.

"Memang benar harga diakui memang naik, ayam milsalnya tidak pernah naik sehingga RM9.50 hingga RM9.80 sekilogram, walaupun pernah naik RM10 sekilogram.

"Tapi ini bukan kebiasaan, biasanya harga ayam RM5.50 sekilogram, kenaikannya tinggi.

"Pelbagai alasan yang diberikan oleh penternak dari segi kenaikan harga makanan ayam dan sebagainya," tambah beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Ayam import, ikan sejuk beku dilambakkan dalam pasaran



Ismail Sabri bersama Dr Ronald Kiandee mengadakan tinjauan harga pelbagai jenis barangan basah ketika melawat My Farm Outlet Kasih di Presint 9, Putrajaya. FOTO AIZUDDIN SAAD

PUTRAJAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini mengarahkan bekalan ayam import dan ikan sejuk beku yang disimpan sebagai stok di bawah program Q'Fish dilambakkan dalam pasaran sebagai langkah segera menstabilkan harga.

Perdana Menteri berkata, untuk tujuan itu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengimport 200 hingga 300 kontena ayam sejuk beku seawal minggu depan.

Katanya, negara sumber bekalan ayam import itu akan diputuskan oleh MAFI kerana terdapat banyak pilihan sama ada dari China atau Thailand.

Bagi bekalan ikan pula, katanya stok ikan sejuk beku di bawah program Q'Fish kendalian Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memasuki pasaran, manakala pengeksportan ikan dihentikan buat sementara waktu.

"Kita banjirkan pasaran dengan ayam daripada luar yang harganya lebih murah berbanding harga ayam tempatan supaya pengguna ada pilihan.

"Ikan juga semakin naik harga kerana musim tengkujuh sudah bermula tetapi kita boleh melambakkan pasaran dengan stok ikan sejuk beku di bawah program Q'Fish yang tujuannya untuk dikeluarkan pada musim tengkujuh.

"Saya juga minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee kalau boleh kita hentikan eksport ikan ke luar negara (untuk sementara waktu) kerana yang pentingnya adalah kebajikan rakyat yang dibebankan dengan kenaikan harga," katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan di MyFarm Outlet Kasih Putrajaya, hari ini.

Perdana Menteri yang diiringi Ronald meluangkan masa kira-kira 40 minit untuk membuat tinjauan harga di pusat jualan yang merupakan inisiatif Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Mengulas lanjut, Perdana Menteri, mengakui larangan pengeksportan ikan mungkin bertentangan dengan etika kerana pembekal dan pembeli telah membuat perjanjian, namun tindakan keras terpaksa dibuat demi kebajikan rakyat.

Katanya, larangan sementara itu juga pernah dibuat sebelum ini pada musim tengkujuh untuk mengelakkan bekalan dalam negara tidak mencukupi.

"Bagi saya, sudah sampai masanya (larangan eksport sementara) walaupun kurang etika sedikit kerana mereka mungkin sudah ada perjanjian dan sebagainya.

"Tetapi ada masa tertentu kita terpaksa melupakan perkara lain demi kepentingan rakyat. Kalau nak jaga harga ikan untuk rakyat, kita terpaksa lakukan (tindakan) yang kadang-kadang keras," tegasnya.

Mengenai tinjauan harga bahan basah di MyFarm Outlet Kasih Putrajaya, Perdana Menteri mengakui kenaikan harga berlaku.

Katanya, harga ayam umpamanya didapati meningkat sehingga RM9.50 ke RM9.80 sekilogram dan sangat jarang berlaku walaupun sebelum ini ia pernah mencecah lebih RM10 sekilogram.

"Kebiasaannya harga ayam RM7 ke RM8 sekilogram, kenaikannya tinggi. Pelbagai alasan diberikan oleh penternak dari segi kenaikan harga makanan ayam dan sebagainya, ada pelbagai isu dibangkitkan," jelasnya.

Mengulas kenaikan harga roti, Ismail Sabri berkata harga bahan utama pembuatannya iaitu gandum yang diimport mungkin memberi kesan kepada harganya.

Bagaimanapun katanya, beliau telah memaklumkan KPDNHEP supaya membuat kajian kenapa kos meningkat, bukannya mendengar pelbagai alasan daripada pengeluar.

"Kos import berapa, harga dari luar negara berapa, sampai ke pelabuhan (harga jadi berapa), semua rantaian ini saya minta KPDNHEP buat kajian secara terperinci.

"Kita tak boleh kata kerana harga gandum naik maka kita naikkan harga (roti). Kita kena telus," katanya.

Berkenaan kenaikan harga ais, Perdana Menteri menegaskan ia tidak sepatutnya berlaku kerana bekalan air mentah adalah murah manakala tarif elektrik tidak dinaikkan.

"Kalau kilang air batu nak naikkan harga, tak ada sebab. Kalau TNB naikkan tarif, betullah ada alasan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Kenaikan harga barangan basah terkawal



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan terdapat kenaikan harga barangan basah seperti yang dilaporkan media.

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan terdapat kenaikan harga barangan basah seperti yang dilaporkan media.

KPDNHEP dalam kenyataan pada Selasa memaklumkan pemantauan mendapati terdapat kenaikan harga membabitkan ayam, telur ayam, dan sayur-sayuran tetapi dalam kadar yang terkawal.

Menurutnya, KPDNHEP sentiasa melaksanakan [operasi penguatkuasaan untuk menangani masalah kenaikan harga menerusi Ops Pasar, Ops Menu dan Ops Catut.

"KPDNHEP telah memeriksa 72 lokasi tumpuan seperti pasar awam,pemborong, pembekal, peruncit peringkat pembekal, dan peruncit di seluruh negara melibatkan 199 jenis sayur-sayuran.

"Daripada 72 lokasi diperiksa sebanyak 140 Notis di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan kepada peniaga berkaitan," kata kenyataan itu.

KPDNHEP berkata, pihaknya akan menetapkan harga siling sekiranya isu kenaikan harga barangan keperluan harian ini semakin meruncing seperti yang dilaksanakan ke atas barang basah semasa musim perayaan.

Tambahnya, mereka akan melaksanakan sesi libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk mencari penyelesaian terbaik membabitkan masalah itu.

"Sesi libat urus bersama pemain industri berkaitan bertujuan mencari kaedah terbaik bagi menyekat kenaikan harga secara mendadak di pasaran,"katanya.

KPDNHEP turut mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan dan tindakan.

"Peniaga yang dikesan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14 (1) AKHAP 2011 ini, boleh dikenakan denda mencecah RM500,000 (syarikat), RM100,000 (individu), atau dipenjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali," kata KPDNHEEP.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# KPDNHEP jangan kompromi



Ismail Sabri bersama Dr Ronald Kiandee mengadakan tinjauan harga pelbagai jenis barang basah ketika melawat My Farm Outlet Kasih di Presint 9, Putrajaya. FOTO AIZUDDIN SAAD

Putrajaya: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melakukan penguatkuasaan tegas tanpa kompromi terhadap pihak yang memanipulasi harga bahan mentah makanan.

Kata beliau, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) pula akan membantu dengan melambakkan bekalan dalam pasaran supaya harga bahan mentah dapat diturunkan.

"Saya minta KPDNHEP melakukan penguatkuasaan dengan tegas, saya tidak mahu ada kompromi kepada mereka yang ambil kesempatan memanipulasi dengan menaikkan harga sesuka hati.

"Mafi boleh bantu dengan melambakkan produk di pasaran, seperti kita tahu prinsip ekonomi penawaran berlebihan tentu saja membolehkan harga diturunkan," katanya kepada media selepas mengadakan tinjauan di MyFarm Outlet Kasih Putrajaya hari ini.

Tambah Ismail Sabri, beliau juga meminta Mafi dengan kerjasama KPDNHEP untuk memastikan kenaikan harga bukan disebabkan manipulasi oleh peniaga dan pemborong.

Kata beliau, ini kerana, tinjauan harga di MyFarm Outlet Kasih Putrajaya mendapati kenaikan harga juga berpunca daripada terlalu banyak rantaian bekalan dan di setiap peringkat rantaian, pihak berkaitan meraih keuntungan.

"Ayam sebagai contoh, dari ladang harga sekian, pemborong dan pihak pengangkutan ada kos, kilang ayam pun ada kos.

"Bila sampai di sini harga sudah RM8.30 sekilogram, peniaga perlu ambil keuntungan, tak boleh salahkan mereka kerana rantaian bekalan banyak," katanya.

Berikutan itu, katanya, beliau memberitahu Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ronald Kiandee, supaya melihat semula model Jihad Memerangi Orang Tengah yang pernah dilaksanakan sebelum ini supaya rantaian bekalan dapat 'dipotong' untuk mengurangkan harga.

Kata Ismail Sabri, harga jualan di pasar tani juga perlu dipantau kerana ia diperkenalkan untuk mengurangkan pembabitan orang tengah sekali gus menurunkan harga.

"Pasar tani sepatutnya tidak berlaku banyak rantaian yang boleh dimanipulasi orang tengah kerana tujuannya dari ladang, terus ke pasar tani dan ke meja makan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri turut meminta Mafi membuat pemantauan terhadap insentif yang diperkenalkan kerajaan untuk membantu petani seperti peruntukan RM62

juta sebagai tambahan insentif racun dan baja selain pinjaman mudah berjumlah RM200 juta sebagai bantuan modal kepada penternak ayam.

"Jangan kita bagi insentif tetapi harga tak berubah. Sebelum ini ramai penternak ayam mengatakan mereka kekurangan modal kerana sudah setahun lebih tutup akibat pandemik Covid-19.

"Jadi mereka minta kita bantu dan kerajaan sudah meluluskan pinjaman mudah RM200 juta tanpa faedah berserta moratorium enam bulan supaya alasan mereka berkaitan kekurangan modal tiada lagi," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PM: Looking into stopping fish exports temporarily during rainy season to stabilise prices | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 02 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 336 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,628 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,883 |




# 首相：囤國内穩價格

# 探討 雨季暫停出口魚產

（布城1日讯）首相拿督斯里依斯迈沙比里指出，他已要求农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪探讨如果可行，则我国在雨季期间，暂停出口鱼到国外。

他说，由于雨季到来，渔民没有出海捕鱼，因此出现鱼价渐涨的情况。

首相指出，他在任农业及农基工业部长时，也曾在雨季期间暂停出口鱼到国外，把鱼囤在国内，以合理的价格出售。

"虽然可能有缺道德，因为可能当中已有协议存在，但在特定时候，若我们需为了人民照顾鱼价，我们被迫采取颇为强硬的手段。"

## 入口冷凍雞肉

首相今日到联邦农业销售局属下位于布城的"MyFarm Outlet"农业市集，巡视物价后指出，由于国人如今面对物价涨价的负担，因此他要求罗南建迪探讨上述事宜。

依斯迈也坦言，国内物价例如鸡只价格，确实也出现涨价的情况，并说明他已和罗南建迪讨论，给消费者购买鸡只的选择，即从国外入口冷冻鸡肉。

"这意味消费者有2个选择，分别是可选择来自农场的新鲜鸡以及从国外进口的冷冻鸡肉。"

他以鸡只涨价的情况为例，说明那是因有太多层供应链存在，养鸡场业者和批发商有需要负担的成本，而售卖鸡只的商家也需要赚取盈利，因此不能把此事怪罪于商家。

"我要求农业部和贸消部更严正看待此事，因为我理解人民的怒气，我不怪罪人民，因为鸡价确实高涨，而人民对此感到生气。"

首相说，政府不会在物价涨价的课题上推卸责任，给予如价格不受控、进口物品的价格昂贵、物品歉收以及业者欠缺营运资本等藉口。

"作为政府，我们必须负起责任，以确保采取适当的行动，让人民不会因此而对负担。"



■依斯迈沙比里（前排右2）巡视农业市集时，展示鸡蛋的价格标签；右为罗南建迪。

Powered by: isentia

| Headline | Public struggle due to price hike | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 02 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 1,12 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 718 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,177 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,532 |



- குறைந்த விலையில் பயனீட்டாளர்கள் கோழிகளை வாங்குவதற்கு தொடக்க கட்டமாக 200 கொள்கலன் அளவு உறைந்த கோழிகள் இறக்குமதி!
- விநியோகிப்பாளர்கள், மொத்த வியாபாரிகள், சில்லறை வியாபாரிகள், இடைத்தரகர்கள், வணிகர்கள் – யார் காரணம்?



## திணற வைக்கும் விலையேற்றம்:

# மீள முடியாத மக்கள்

*கோலாலம்பூர், டிச. 2-*
மக்களின் அன்றாடத் தேவைக்கான உணவு உள்ளிட்ட இதர பொருட்களின் விலை வரலாற்றில் இல்லாத அளவிற்கு அதிகரித்திருக்கும் வேளையில், விலையைக் கட்டுப்படுத்தி, மக்களின் சுமைகளை உடனடியாகக் குறைப்பதை விடுத்து இதற்கான காரணங்களை ஆராய்வதில் அரசாங்கம் மும்முரமாக இறங்கியுள்ளது.

பக்கம் 12

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Public struggle due to price hike | | |
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 02 Dec 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 1,12 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 718 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,177 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,532 |

முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

# மீள முடியாத மக்கள்...

கோவிட்-19 தொற்றுப் பரவல் காரணமாக பொருளாதாரம் பாதிக்கப்பட்டு, அதிலிருந்து மக்கள் முழுமையாக மீள முடியாமல் தத்தளித்துக் கொண்டிருக்கின்றனர். ஆனால், அரசாங்கம் விநியோகிப்பாளர்கள், மொத்த வியாபாரிகள், சில்லறை வியாபாரிகள், நடுவர்கள், வணிகர்கள் என அவர்களை நோக்கி விரலைக் காட்டுகிறது. தவிர, மக்கள் பிரச்சினைக்கு தீர்வு எப்போது என்பதை திட்டவட்டமாகத் தெரிவிக்க முடியாமல் உள்ளது.

வணிகர்களை குறை சொல்ல வேண்டாம், விலையேற்றத்திற்கு விநியோகத் தொடர்தான் காரணம் என பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ இஸ்மாயில் சப்ரி யாக்கோப் நேற்று கூறினார். அத்தியாவசிய பொருட்களின் விலைகள் ஏற்றம் கண்டிருப்பதை ஒப்புக்கொண்ட அவர், இதற்கு வணிகர்களையோ மொத்த வியாபாரிகளையோ குறை சொல்ல முடியாது என்கிறார்.

பொருட்கள் வணிகர்களைச் சென்றடைவதற்கு முன்னதாக அவற்றின் விநியோகிப்பில் பல்வேறு நிலைகளிலும் அதிகரிக்கும் செலவினம்தான் விலையேற்றத்திற்கு காரணம் என்கிறார் பிரதமர்.

உதாரணத்திற்கு கோழியை எடுத்துக்கொள்வோம். அவற்றின் பண்ணையாளர்கள், தொழிற்சாலைகள், மொத்த வியாபாரிகள் என ஒவ்வொருவரும் ஒரு விலையை நிர்ணயிப்பார்கள். வணிகர்களை வந்தடையும்போது ஏற்கெனவே அதன் விலை அதிகமாகத்தான் இருக்கும் என சப்ரி யாக்கோப் விளக்கம் அளித்தார்.

இங்குள்ள கோழிப்பண்ணை ஒன்றுக்கு வருகை மேற்கொண்டபோது அவர் இவ்விவரங்களை நிருபர்களிடம் கூறினார்.

இப்பிரச்சினைக்குத் தீர்வு காண்பதற்கு உள்நாட்டு வாணிப, பயனீட்டாளர் விவகார அமைச்சுடன் விவசாய, உணவு தொழில்துறை அமைச்சு ஒத்துழைக்க வேண்டும். அதே சமயம், இவ்விஷயத்தில் நடுவர்களின் விவகாரம் குறித்தும் அரசாங்கம் தீவிரமாக கவனிக்க வேண்டும் என அவர் சொன்னார்.

குறைந்த விலையில் பயனீட்டாளர்கள் கோழிகளை வாங்குவதற்கு வகை செய்யும் பொருட்டு உறைந்த கோழிகளை அரசாங்கம் இறக்குமதி செய்யும். தொடக்கக் கட்டமாக 200 கொள்கலன்கள் அளவு கோழிகளை இறக்குமதி செய்வோம். அடுத்த வாரத்திற்குள் இவை உள்நாட்டுச் சந்தையில் கிடைக்கும் எனவும் அவர் குறிப்பிட்டார்.

இதற்கு முன்னதாக கோழிகளின் விலை கிலோ ஒன்றுக்கு 10 வெள்ளிக்கும் மேல் இருந்துள்ளது. தற்போது கிலோ ஒன்றுக்கு வெ.9.80 ஆகக் குறைந்தது. ஆனால், எப்போதும் இதே போன்று விலைகள் இருக்காது. காரணம், கோழிகளின் விலை வழக்கமாக கிலோ ஒன்றுக்கு 7 முதல் 8 வெள்ளிக்கிடையே இருக்கும் எனவும் பிரதமர் கூறினார்.

மீன் விநியோகம் பற்றி குறிப்பிடுகையில், உள்நாட்டுச் சதையில் மீன்கள் நியாயமான விலையில் கிடைப்பதை உறுதி செய்வதற்கு விவசாய அமைச்சு மீன் ஏற்றுமதிகளை தற்காலிகமாக நிறுத்தி வைக்கும் என்று அவர் தெரிவித்தார்.

இதனிடையே காய்கறிகளின் விலையேற்றம் தற்காலிகமானதுதான் என்கிறார் உள்நாட்டு வாணிப, பயனீட்டாளர் விவகார அமைச்சின் பினாங்கு மாநில இயக்குநர் முகமட் ரிட்சுவான் அபு காபார்.

இதற்கு முன்னதாக கேமரன் மலையில் வெள்ளம், உரம் போன்றவற்றின் விலையேற்றம் காய்கறிகளின் விலை அதிகரிப்புக்கு காரணம் என கூறப்பட்டது. இருப்பினும், மற்ற பொருட்களின் விலையில் ஏற்றத்தாழ்வு இருந்தாலும் சில காய்கறிகளின் விலை ஓரளவுக்கு நிலைத்தன்மையை அடைந்துள்ளன.

தக்காளியின் விலை 43 விழுக்காடு குறைந்துள்ளது. புரோகோலி 27.2 விழுக்காடும் எலுமிச்சம் பழத்தின் விலை 31.5 விழுக்காடும் குறைந்திருப்பதாக அவர் சுட்டிக்காட்டினார். பினாங்கு, பாயான் பாரு சந்தைக்கு வருகை புரிந்தபோது அவர் நிருபர்களிடம் இவ்வாறு கூறினார்.

நவம்பர் மாத இறுதியில் பீன்ஸ் போன்ற காய்கறிகளின் விலைகள் 100 விழுக்காடு அதிகரித்தன. வானிலை மாற்றம், காய்கறி பயிருக்குத் தேவையான உரம் விலையேற்றம் இதற்கு காரணம் என விநியோகஸ்தர்கள் காரணங்களை கூறி வருகின்றனர். அமைச்சு தொடர்ந்து நிலைமையைக் கண்காணிக்கும் எனவும் அவர் சொன்னார்.

Powered by: isentia



02 DEC, 2021

# PM : Hike in ice price not justified

China Press, Malaysia



## 首相：電費不漲何來理由？

# 冰塊不該起價

（布城1日讯）首相拿督斯里依斯迈沙比里指出，由于电费没有涨价，冰块不应起价，因为冰块生产商没有涨价的理由。

文轉A3



■依斯迈沙比里（左3）巡视农业市集内售卖鸡只的档口，藉此了解肉鸡售价；前排右为罗南建迪。

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A1,A3 PRINTED SIZE: 440.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 8,679.00 ITEM ID: MY0046220119



02 DEC, 2021

# PM : Hike in ice price not justified

China Press, Malaysia



·冰塊不該起價·

## 研究供應鏈所有層面

文接封面

"至于Gardenia公司的面包起价，我们没有耕种小麦（gandum），那是问题，我们从外国进口小麦，因此这可能是造成影响的原因。"

然而，首相也说，他已告知国内贸易和消费人事务部，必须进行深入研究，以探讨有关原料成本涨价的原因。

"我们不想只是聆听藉口，我要求贸消部详细研究供应链的所有层面，国外的（原料）价格是多少，我不能说因小麦涨价，那我们也起价，人民需要知道原因，我们必须在此事上透明。"

首相今日到联邦农业销售局属下位于布城的"MyFarm Outlet"农业市集，巡视物价后如此指出。

他指出，贸消部长拿督阿历山大南达林奇已告知他，该部下周将开始促销活动，他已吩咐该部增加在全国进行这些促销活动，专注售卖必需品和食品，以减轻人民的负担。

### 4日開始必需品促銷

阿历山大南达林奇周二（30日）在国会指出，贸消部将从12月4日开始，落实"大马一家"促销计划，此计划旨在以可负担价格，向消费者售卖必需品。

他说，有关每月2次进行的促销计划将在全国进行，涉及222个国会选区，政府将确保所售卖的物品价格，比市价便宜15%至20%。




《中国报》日前报导，一个冰块供应商于上月发通告，需要终止所有冰产品的促销，并宣布从12月1日起，每包冰产品将起价50仙。

该供应商市场部负责人陈先生解释，冰产品起价，是因为冰厂起价在先，而且装冰产品的塑料袋也起价，导致他们的成本越来越高，加上罗厘维修费用、轮胎、罗厘零件，柴油等都起价。

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A1,A3 PRINTED SIZE: 440.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 8,679.00 ITEM ID: MY0046220119



02 DEC, 2021

# PM : Hike in ice price not justified

China Press, Malaysia



## SUMMARIES

•文接封面 “至于Gardenia公司的面包起价，我们没有耕种小麦 ( gandum)，
那是问题，我们从外国进口小麦，因此这可能是造成影响的原因。”然而，首相也说，他已告知国内贸易和消费人事务部，必须进行深入研究，
以探讨有关原料成本涨价的原因。“我们不想只是聆听藉口，我要求贸消部详细研究供应链的所有层面，国外的（原料）价格是多少，我不能说因小麦涨价，那我们也起价，人民需要知道原因，我们必须在此事

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 2/12/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

Minda Pengarang

ISMAIL DAUD



# *Terserah kepada Ronald Kiandee*

HARGA barangan terutama barang keperluan harian yang naik mendadak dan berterusan sejak kebelakangan benar-benar merungsingkan rakyat. Ramai yang mengaitkan dengan suasana ekonomi yang kembali rancak selepas hampir dua tahun merudum ekoran pandemik Covid-19.

Puncanya? Peniaga dikatakan mengambil kesempatan selepas dua tahun terjejas untuk meraih keuntungan dengan kadar lebih cepat. Lalu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjadi sasaran kecaman dalam isu ini.

Kementerian itu didakwa gagal mencari mekanisme berkesan menangani masalah kenaikan harga, sebaliknya lebih banyak 'berselindung' di sebalik akta-akta yang dikuatkuasakan oleh kementerian itu.

Dan apabila isu harga barang semakin parah sehinggakan ais juga mengalami kenaikan harga, ia bertukar arah menjadi isu politik pula dan tentunya Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjadi sasaran utama sehinggakan kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Negeri Melaka turut dikaitkan.

Semalam, apabila Perdana Menteri berkata, rantaian pembekalan yang panjang sebagai punca kenaikan harga barangan makanan, beliau tentunya bercakap berdasarkan pengalaman beliau.

Ini dikuatkan lagi dengan laporan seorang pekebun sayur di Pulau Pinang bahawa dia masih menjual pada harga yang sama kepada orang tengah tetapi terkejut apabila melihat harga runcit sayur di pasaran.

"Kami jual sawi pada harga RM1.30 sekilogram tapi harga di pasaran cecah RM6 hingga RM7. Siapa yang kawal harga itu," katanya yang mengusahakan tanaman sayur di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Ara Kuda, Butterworth.

Justeru, jihad perangi orang tengah yang diperkenalkan Ismail Sabri pada 2014 lalu ketika menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani perlu dikembalikan, apatah lagi ia telah menunjukkan beberapa kejayaan dahulu.

Arahan sudah dikeluarkan. Kini terserah kepada Menteri Pertanian sekarang, Datuk Seri Ronald Kiandee untuk meneruskannya. Yang pasti, Ronald beruntung kerana ada mentor yang boleh membimbing beliau menjayakan jihad itu.

Buka semula laporan program itu, tengok apa yang boleh ditambah baik atau ditukar baharu. Ada banyak inisiatif yang memberikan impak positif yang sudah dilaksanakan dahulu, antaranya 200 Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian yang melibatkan penyertaan 40,000 petani, penternak dan nelayan.

Turut perlu 'dilawati semula' ialah pasar tani yang kini dikatakan menyimpang daripada matlamat asalnya apabila dipenuhi oleh golongan pemborong sebagai penjual manakala Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga perlu diperkasa untuk memerangi orang tengah.

Walaupun hampir semua barang naik harga tetapi jika harga bahan makanan asas dapat dikawal pada kadar yang berpatutan, redalah sedikit kemarahan rakyat.

**Ismail Daud ialah Pengarang Berita *Utusan Malaysia***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 2/12/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |



ISMAIL Sabri Yaakob meninjau harga barang di MyFarm Outlet Kasih Putrajaya semalam bagi mengetahui punca harga barang meningkat. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

# Perangi orang tengah

Dari muka 1

"Saya faham rakyat marah, memang betul. Saya tak salahkan rakyat kerana harga begitu tinggi tetapi kita akan lakukan sesuatu," kata beliau selepas melakukan tinjauan harga barang di MyFarm Outlet Kasih Putrajaya semalam.

Sementara itu, berhubung aduan kenaikan harga ais dan roti, Ismail Sabri berkata, harga ais tidak sepatutnya meningkat kerana tarif air dan elektrik masih kekal, jadi tiada alasan bagi pengusaha ais menaikkan harga.

Bagi harga roti pula, Ismail Sabri mengakui kemungkinan berlaku kenaikan harga gandum yang diimport yang memberi kesan kepada peningkatan produk roti.

Bagaimanapun, beliau telah mengarahkan KPDNHEP untuk membuat kajian mendalam tentang peningkatan harga berkenaan.

"Saya sudah beritahu KPDNHEP bahawa kita tak mahu dengar alasan. KPDNHEP mesti buat kajian dari segi kenapa kos itu meningkat.

"Sebagai contoh, berapa kos import, berapa harga di luar negara. Semua rantaian itu saya minta KPDNHEP buat kajian terperinci.

"Rakyat kena tahu dan kita juga kena telus tentang perkara ini," tambah beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



Ismail Sabri mengadakan tinjauan harga pelbagai jenis barang basah, termasuk ayam ketika melawat My Farm Outlet Kasih di Presint 9, Putrajaya, semalam. (Foto Aizuddin Saad/ BH)

# KPDNHEP kerah 3,200 penguat kuasa pantau harga barang

Oleh Saiful Haizan Hasam dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menggerakkan 3,200 anggota penguat kuasa dan pegawai pemantau harganya di seluruh negara untuk memantau dan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang memanipulasi harga bahan makanan.

Langkah itu diambil susulan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob supaya kementerian melakukan penguatkuasaan lebih tegas tanpa kompromi terhadap semua pihak yang memanipulasi harga bahan makanan sehingga menyebabkan kenaikan harga barangan keperluan asas.

Ismail Sabri yang turun sendiri ke MyFarm Outlet Kasih Putrajaya, semalam, untuk meninjau kenaikan harga bahan makanan susulan rungutan orang ramai, mengakui kenaikan harga berlaku.

Perdana Menteri kemudian mengumumkan beberapa langkah segera yang akan diambil kerajaan untuk menstabilkan harga barangan keperluan asas.

Antaranya, beliau mengarahkan bekalan ayam import dan ikan sejuk beku yang disimpan sebagai stok di bawah program Q'Fish dilambakkan dalam pasaran sebagai langkah untuk menstabilkan harga.

Untuk tujuan itu, Perdana Menteri berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengimport 200 hingga 300 kontena ayam sejuk beku daripada negara sumber seperti China dan Thailand, seawal minggu depan.

Bagi bekalan ikan, stok ikan sejuk beku di bawah program Q'Fish kendalian Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan dibenarkan memasuki pasaran, manakala eksport ikan dihentikan buat sementara waktu bagi mengatasi isu bekalan dalam negara.

"Kita akan banjirkan pasaran dengan ayam daripada luar yang harganya lebih murah berbanding ayam tempatan supaya pengguna ada pilihan.

"Harga ikan juga semakin naik kerana musim tengkujuh sudah bermula dan kita akan melambakkan pasaran dengan stok ikan sejuk beku di bawah program Q'Fish.

"Saya juga minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee kalau boleh hentikan eksport ikan ke luar negara (untuk sementara waktu) kerana yang penting sekarang adalah kebajikan rakyat yang dibebankan dengan kenaikan harga," katanya ketika ditemui wartawan selepas melakukan tinjauan itu.

Nasional 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Harga ayam bawah RM10 sekilogram

## Jaminan susulan kesepakatan diperoleh hasil pertemuan dengan semua persatuan penternak

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Harga runcit ayam standard yang meningkat baru-baru ini, akan turun kepada kadar lebih berpatutan minggu ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau memberi jaminan itu susulan kesepakatan yang diperoleh hasil pertemuan dengan semua persatuan penternak seluruh negara semalam yang memberi jaminan harga bekalan terbabit akan diturunkan ke bawah RM10 sekilogram meskipun berlaku kenaikan kos pengeluaran.

Katanya, harga runcit baharu ayam standard akan diumumkan melalui pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena sambutan Krismas yang akan dilancarkan minggu ini.

"Pada pertemuan dengan persatuan penternak, mereka mulanya memohon harga ayam dinaikkan akibat peningkatan kos operasi dan pengeluaran, namun kementerian menekankan kepada mereka bahawa ini bukan masa yang tepat.

"Kementerian merayu dan syukurlah pada akhirnya ada berita baik apabila mereka bersetuju untuk mengekalkan harga sama bagi ayam dan telur, sekali gus tidak akan ada kenaikan harga di peringkat ladang. Objektif utamanya ialah untuk kita kawal harga ayam supaya tidak mencecah belasan ringgit sekilogram.

"Kita beri jaminan harga runcit ayam selepas ini adalah bawah RM10 melalui skim kawalan harga yang akan diumumkan dalam tempoh dua atau tiga hari lagi," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, harga kawalan ayam standard yang ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) adalah RM9.50 sekilogram, namun terdapat peniaga yang menjualnya hingga belasan ringgit.

Alexander berkata, pada pertemuan semalam juga, syarikat utama penternak ayam turut menunjukkan laporan kewangan mereka yang mengalami kerugian besar hingga jutaan ringgit setahun disebabkan kenaikan kos khususnya makanan ayam selain kekurangan pekerja warga asing untuk menguruskan ladang.

"Antara faktor sangat memberi kesan kepada harga ayam peringkat ladang adalah kesukaran mendapatkan buruh kerana buruh asing kini lebih suka bekerja di industri perladangan berikutan gaji lebih besar. Kita akan bawa isu ini dalam mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dipengerusikan Perdana Menteri," katanya.

Mengenai analisis Rabobank bahawa harga makanan dijangka kekal pada paras tertinggi dalam sejarah tahun depan, beliau berkata, pihaknya akan mengadakan sesi libat urus bersama kementerian dan agensi lain yang berkait dalam rantaian kerana isu harga barangan ini merentasi pelbagai pihak.

Alexander mengakui Malaysia juga akan terkesan dan harus menerima hakikat itu berikutan negara bergantung kepada barangan import termasuk sumber makanan bagi ayam, namun usaha akan diteruskan untuk mengurangkan bebanan kenaikan harga melalui perancangan lebih berstrategi.

"Kerajaan akan cuba kawal (kenaikan harga) menggunakan peraturan sedia ada, termasuk bantuan, namun subsidi bukan jawapan kepada masalah. Kita sebaliknya harus menumpukan kepada langkah lebih berstrategi dengan fokus kepada sesuatu barangan keperluan yang sedang mengalami kenaikan harga," katanya.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Ayam Malaysia (FLFAM), Tan Chee Hee, berkata ahlinya menyatakan komitmen mengekalkan harga ayam daging dan telur di peringkat ladang sepanjang Disember ini, sama seperti harga ketika skim kawalan harga semasa Deepavali, iaitu RM9.50kg bagi ayam standard.

"Kami juga memberi jaminan bekalan ayam dan telur mencukupi sehingga akhir tahun ini. FLFAM sangat menghargai keprihatinan dan saranan KPDNHEP dan bagi menyahut semangat Keluarga Malaysia, ahli kami menyatakan komitmen untuk mengekalkan harga ayam sepanjang Disember ini," katanya.

Sementara itu, Penasihat Kehormat Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor, Datuk Ishak Mat Arif, berkata dengan pengekalan harga kawalan bagi ayam itu, kebanyakan penternak mengalami penyusutan keuntungan atas dasar bertolak-ansur.

Katanya, ekoran peningkatan kos yang antaranya disumbangkan oleh kekurangan pekerja asing, ramai penternak terpaksa gulung tikar kerana tidak mampu beroperasi lagi.




*Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar melakukan pemeriksaan dan meninjau harga ayam di Kompleks Pasar Awam Bayan Baru, semalam.* (Foto Mikail Ong/BH)

# Kementerian diminta pantau insentif bantu petani

*Dari Muka 1*

Perdana Menteri yang diiringi Ronald meluangkan masa kira-kira 40 minit untuk membuat tinjauan harga di MyFarm Outlet Kasih Putrajaya, yang menjadi inisiatif Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Ismail Sabri mengakui pembekal mungkin berdepan masalah kerana ada perjanjian dengan pembeli, namun tindakan itu terpaksa diambil demi kebajikan rakyat.

"Ada masa kita terpaksa ambil tindakan demi kepentingan rakyat. Kalau nak jaga harga ikan untuk rakyat, kita terpaksa ambil (tindakan) yang kadang-kadang keras," tegas beliau.

Mengenai tinjauan semalam, Perdana Menteri mengakui ada kenaikan harga seperti ayam meningkat sehingga RM9.50 ke RM9.80 sekilogram yang sangat jarang berlaku walaupun pernah mencecah lebih RM10 sekilogram.

"Kebiasaannya harga ayam RM7 ke RM8 sekilogram... kenaikannya tinggi," katanya.

Mengulas kenaikan harga roti Ismail Sabri berkata, harga bahan utama pembuatannya iaitu gandum yang diimport mungkin memberi kesan kepada harganya.

Bagaimanapun beliau mengarahkan KPDNHEP supaya membuat kajian mengapa kos meningkat.

"Kita mahu tahu kos import berapa, harga dari luar negara berapa, sampai ke pelabuhan (harga jadi berapa), semua rantaian ini saya minta KPDNHEP buat kajian secara terperinci.

"Kita tak boleh kata kerana harga gandum naik maka kita naikkan harga (roti). Kita kena telus," katanya.

Mengenai kenaikan harga ais, Perdana Menteri berkata, ia tidak sepatutnya berlaku kerana bekalan air mentah adalah murah, manakala tarif elektrik juga tidak dinaikkan.

Beliau mengulas laporan mengenai syarikat bekalan ais akan menamatkan promosi untuk semua produk ais (ais kisar atau ais ketulan) bermula semalam, yang akan menyaksikan harga ais naik 50 sen sebungkus.

Antara alasan yang diberikan syarikat ialah kos penyelenggaraan lori semakin tinggi berikutan kenaikan harga tayar, alat ganti lori dan minyak diesel.

Beliau juga meminta MAFI dari KPDNHEP turun padang memastikan kenaikan harga bukan disebabkan manipulasi oleh peniaga dan pemborong.

Katanya, ini kerana tinjauan harga di MyFarm Outlet Kasih Putrajaya mendapati kenaikan harga berpunca daripada terlalu banyak rantaian dalam bekalan dan setiap peringkat rantaian, ada pihak meraih keuntungan.

"Sebagai contoh, ayam dari ladang harga sekian, pemborong dan pengangkutan ada kos, kilang ayam pun ada kos. Bila sampai di sini (pasar) harga sudah RM8.30 sekilogram, peniaga juga perlu keuntungan, tak boleh salahkan mereka kerana rantaian dalam bekalan banyak," katanya.

Berikutan itu, beliau juga meminta Ronald supaya melihat semula model 'Jihad Memerangi Orang Tengah' yang pernah dilaksanakan sebelum ini supaya rantaian bekalan dapat 'dipotong' untuk mengurangkan harga.

Perdana Menteri turut meminta MAFI memantau insentif dikeluarkan kerajaan untuk membantu petani dengan peruntukan RM62 juta sebagai tambahan kepada insentif racun dan baja, disamping pinjaman mudah RM200 juta sebagai bantuan modal kepada penternak ayam.

"Jangan kita bagi insentif tetapi harga tak berubah. Sebelum ini ramai penternak ayam mengatakan mereka kekurangan modal kerana sudah setahun lebih tutup akibat pandemik COVID-19.

"Jadi kerajaan sudah meluluskan pinjaman mudah sebanyak RM200 juta tanpa faedah berserta moratorium selama enam bulan supaya tiada lagi alasan mereka kekurangan modal," katanya.

Menteri PerdaganganDalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memberi jaminan mempunyai anggota mencukupi untuk melakukan operasi penguatkuasaan seperti diarahkan Perdana Menteri.

Beliau berkata, inisiatif lain dilaksanakan KPDNHEP dalam mengawal kenaikan harga barang ialah melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) lebih awal, berbanding sebelum ini.

"Biasanya kita tunggu sampai dua minggu (sebelum perayaan) untuk laksanakan SHMMP. Kali ini saya mengarahkan penguat kuasa melakukan kawalan harga lebih awal sehingga hujung tahun. Ini, bukan saja untuk mengawal harga sempena perayaan Krismas, namun sepanjang Disember ini," katanya.

Sementara itu, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan NEKMAT menyifatkan tindakan Ismail Sabri mengarahkan bekalan ayam dan ikan sejuk beku dilambakkan dalam pasaran sebagai langkah tepat menstabilkan harga.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Kekangan pekerja punca harga sayur naik mendadak

## Persatuan dakwa bekalan berkurangan faktor utama hasil tanaman mahal

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my



*Bekalan sayur berkurangan disebabkan tiada pekerja sepanjang pelaksanaan PKP.* (Foto hiasan)

**Kota Bharu:** Persatuan Penanam-Penanam Sayur Lojing mendakwa bekalan sayur berkurangan menjadi faktor utama harganya naik mendadak sejak kebelakangan ini.

Mereka yang mengusahakan pelbagai tanaman sayur membabitkan keluasan 160 hektar itu turut mendakwa, bekalan sayur berkurangan disebabkan tiada pekerja sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bendaharinya, Rahimi Ibrahim, 51, berkata persatuan itu yang mempunyai 200 ahli berdepan masalah sama, iaitu ketiadaan pekerja.

"Sejak PKP dilaksanakan, kita berdepan masalah pekerja kerana kebanyakan pekerja kami adalah warga asing dari Myanmar dan mereka mengambil keputusan untuk pulang.

"Disebabkan masalah kekangan pekerja sayur juga hanya boleh ditanam dengan jumlah yang sedikit, sekali gus hasil diperoleh juga sedikit.

"Apabila barang sedikit secara automatik harga juga akan meningkat dan sayur yang dijual kepada pemborong juga sudah mahal," katanya ketika dihubungi.

Beliau turut mengakui disebabkan masalah kekurangan pekerja, bekalan hasil sayur-sayuran berkurangan 50 peratus.

"Hasil bekalan berkenaan dijual kepada pemborong seluruh negara.

"Bagi saya tidak timbul isu orang tengah yang menaikkan harga," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Lanas Jedok, Zulkifli Yunus, berkata kos pembajakan, baja dan racun yang meningkat menyebabkan ramai penanam sayur yang sebelum ini aktif tidak lagi menanam.

"Sebelum ini kita mempunyai 500 penanam sayur yang aktif dan disebabkan kos meningkat, hanya 50 orang yang masih aktif menyebabkan bekalan sayur berkurangan.

"Disebabkan itu harga sayur menjadi mahal," katanya.

> Sebelum ini kita mempunyai 500 penanam sayur yang aktif dan disebabkan kos meningkat, hanya 50 orang masih aktif menyebabkan bekalan sayur berkurangan



***Zulkifli Yunus,*** *Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Lanas Jedok*

# Lambakkan bekalan ikan, ayam mampu stabil harga

**Kuala Lumpur:** Arahan Perdana Menteri untuk melambakkan bekalan ikan dan ayam ke dalam pasaran bagi menstabilkan harga menunjukkan pengalaman beliau dalam mengemudi pelbagai kementerian sebelum ini.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) yang menyambut baik inisiatif Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob itu yakin mekanisme itu berupaya menstabilkan harga bahan berkenaan pada masa ini.

Timbalan Presiden FOMCA, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata langkah itu memperlihatkan Ismail Sabri tahu mekanisme untuk menyelesaikan masalah seperti mengarahkan stok penimbal dikeluarkan untuk mengatasi isu kekurangan bekalan serta membolehkan pengguna memperolehnya pada harga stabil.

"Dengan melambakkan bekalan dalam pasaran, pengguna tidak akan menghadapi kekurangan, manipulasi harga selain kita melihat larangan tidak mengeluarkan eksport, langkah yang baik kerana ia turut dilakukan ketika negara luar menghadapi sendiri kekurangan bekalan," katanya kepada *BH*, semalam.

Menyambut baik arahan PM itu, beliau berkata, langkah berkenaan mampu membantu orang ramai mendapatkan bekalan pada bila-bila masa dengan harga yang berpatutan.

"Dalam keadaan musim tengkujuh ketika ini, ikan sukar diperoleh dan jika ada sudah pasti mahal. Jadi dengan adanya stok ikan sejuk beku, orang ramai tidak perlu bimbang membeli ikan pada harga yang mahal," katanya.

Mengenai kenaikan harga ais, Mohd Yusof berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) boleh meminta syarikat pengeluarnya mengemukakan bukti kenaikan kos, selain boleh meminta Suruhanjaya Persaingan menyiasat jika wujud pakatan sektor tertentu menaikkan harga barang mereka.

Beliau turut menyambut baik Program Jualan Keluarga Malaysia mulai Sabtu ini di 222 kawasan Parlimen dengan kekerapan dua kali sebulan yang menawarkan barangan keperluan asas sehingga 20 peratus lebih murah berbanding pasaran membantu mengurangkan beban rakyat.

Katanya, inisiatif KPDNHEP itu membolehkan orang ramai mendapatkan bekalan dengan harga berpatutan.

"Diharap harga barangan keperluan ditawarkan itu adalah harga sebelum kenaikan harga barangan ketika ini, supaya pengguna dapat menikmati harga yang lebih murah," katanya menyarankan lebih baik program itu diadakan setiap minggu bagi memastikan orang ramai sentiasa mendapatkan bekalan dengan harga lebih murah.

Sementara itu, Pengerusi NEKMAT, Abdul Hamid Bahari berkata, pihaknya yakin bekalan ikan segar beku (QFish) yang diusahakan ahlinya mampu memenuhi keperluan pasaran selain memberi jaminan produk terbabit berkualiti tinggi.

"Kami ada bekalan beratus-ratus tan untuk dibawa masuk ke dalam pasaran.

"Meskipun ikan sejuk beku, kualitinya masih sama dengan segar jika dicairkan daripada ais, tidak dimampatkan dan kebanyakan hotel memang menggunakan produk QFish untuk restoran mereka.

"Lebih menjimatkan, ikan segar beku di bawah program Q'Fish, iaitu tilapia, keli, kembung, selar, pelaling, aya, cencaru dan selayang dijual RM10 sekilogram, jauh lebih murah daripada ikan segar," katanya menambah, produk QFish bukan rendah kualiti tetapi memang diusahakan nelayan untuk menghadapi kekurangan di pasaran tanpa mengabaikan kualitinya.

> Dengan melambakkan bekalan dalam pasaran, pengguna tidak akan menghadapi kekurangan, manipulasi harga selain kita melihat larangan tidak mengeluarkan eksport, langkah yang baik kerana ia turut dilakukan ketika negara luar menghadapi sendiri kekurangan bekalan



***Mohd Yusof Abdul Rahman,*** *Timbalan Presiden FOMCA*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | KOSMO | NEGARA | 6 |

Kerajaan kekang kenaikan harga, bawa masuk ayam sejuk beku, henti eksport ikan

# PM akui harga barang keperluan naik

Oleh EDDY HAMIDI

**PUTRAJAYA** – Perdana Menteri mengakui terdapat kenaikan harga barangan keperluan berikutan pelbagai kos yang perlu ditanggung di setiap peringkat rantaian bekalan sebelum sampai kepada pengguna.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kenaikan harga barangan bukanlah berpunca daripada peniaga semata-mata memandangkan terdapat pelbagai faktor lain turut dilihat menyumbang kepada kenaikan harga tersebut.

"Kita akui terdapat kenaikan harga barang ketika ini dan saya faham rakyat sedang marah, saya tidak salahkan mereka (rakyat) dan ia juga bukan berpunca daripada peniaga, sebaliknya daripada rantaian bekalan itu sendiri.

"Ambil harga ayam sebagai contoh di mana penternak, kilang serta pemborong mempunyai kos tersendiri yang apabila sampai kepada peniaga, harga sudah sedia tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas membuat lawatan dan pemeriksaan harga barangan diiringi Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee di MyFarm Outlet Kasih Putrajaya di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, antara usaha yang diambil kerajaan bagi mengekang kenaikan harga barang antaranya membawa masuk bekalan ayam sejuk beku dari luar negara serta menghentikan sementara eksport ikan.

"Sebagai permulaan, sebanyak 200 kontena ayam sejuk beku akan dibawa masuk bermula minggu hadapan dalam usaha untuk membanjiri pasaran dengan ayam luar yang lebih murah daripada ayam tempatan.

"Kerajaan juga akan menghentikan sementara eksport ikan ke luar negara termasuk memenuhi pasaran dengan bekalan ikan sejuk beku Q'fish daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)," ujarnya.




ISMAIL SABRI (tiga dari kanan) ketika melawat MyFarm Outlet di Putrajaya semalam.

Tambah beliau, MAFI dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga akan mengkaji semua rantaian termasuk orang tengah yang dilihat turut menyumbang kepada kenaikan harga barangan yang dirasakan terlalu mendadak.

"Tindakan juga akan diambil kepada peniaga yang dikesan mengambil kesempatan dengan menaikan harga sekaligus membebankan pengguna.

"KPDNHEP akan melakukan penguatkuasaan dengan lebih tegas dan jika ada sebarang manipulasi harga dikesan, tindakan tegas tanpa kompromi akan diambil. Saya tidak mahu ada kompromi dengan mereka yang menaikkan harga sesuka hati," tegas beliau.

Sementara itu, mengulas mengenai tindakan sebuah syarikat pengeluar ais yang menaikkan harga barangan itu, Ismail Sabri menegaskan tindakan itu tidak sepatutnya berlaku kerana tiada kenaikan tarif air dan elektrik, dibuat ketika ini.

"Kita beri air dengan harga yang murah. Tidak ada sebab untuk kilang ais mahu naikkan harga," tegas beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

# Program JKM strategi serampang dua mata

## Diadakan di lokasi terpilih, kekerapan ditambah ikut kesesuaian dari semasa ke semasa

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Program Jualan Keluarga Malaysia (JKM) dilaksana dengan strategi serampang dua mata, iaitu membasmi peranan orang tengah dan menawarkan barangan pada harga subsidi demi manfaat rakyat.

Lebih 50 jenis barangan keperluan asas, termasuk produk pertanian dan hasil laut bakal ditawarkan pada harga 15 hingga 20 peratus lebih murah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata majlis pelancaran JKM oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan diadakan di Pantai Dalam di sini, hari ini, sebelum ia diperluaskan ke 222 kawasan Parlimen adalah strategi jangka pendek dalam menangani peningkatan harga barangan keperluan rakyat.

Katanya, jualan di seluruh negara pula akan bermula pada Sabtu ini, dengan kekerapan dua kali sebulan.

Beliau berkata, pelbagai produk daripada pengeluar akan dibawa terus ke tapak jualan JKM untuk tanpa kos tambahan daripada faktor orang tengah.

"Bekalan barangan diambil terus dari ladang dan pengeluar tanpa membabitkan orang tengah, justeru barangan dijual lebih murah kepada pengguna dalam jarak 10 kilometer (km) dari tempat jualan.

"Dalam keadaan sukar pada ketika ini, kementerian memahami rakyat memerlukan barangan pada harga mampu dimiliki dan tiada yang kelaparan di rumah.

"Kami harap inisiatif bersama ini memanfaatkan pengguna, terutama golongan B40," katanya kepada *BH*, semalam.

Alexander berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di setiap negeri sudah diarah mengenal pasti lokasi bersesuaian bagi pelaksanaan program JKM.

Sebagai permulaan, katanya, JKM dilaksanakan di lokasi terpilih dan kekerapannya akan ditambah mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa, berbanding perancangan asal dua kali sebulan.

